

# Biasiswa: Kerajaan tidak akan merayu Australia

30 JAN 1994

SUBANG: Kerajaan tidak akan meminta Australia meneruskan pemberian biasiswa pendidikan kepada pelajar Malaysia jika negara itu berhasrat menghentikan bantuan berkenaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak boleh berbuat apa-apa jika Australia tidak mahu meneruskan bantuan biasiswa kepada pelajar Malaysia.

Beliau yang diminta mengulas kenyataan Menteri Kerjasama Pembangunan Australia, Gordon Bilney, kelmarin bahawa Australia tidak akan menerus-

kan bantuan biasiswa kepada pelajar Malaysia berikutan kedudukan ekonomi Malaysia yang semakin teguh, berkata:

"Tidak apalah. Dia tak nak bagi, takkan kita nak minta pula. Dia tak mahu bagi, sudahlah."

Dr Mahathir berkata demikian selepas merasmikan Glenmarie Golf & Country Club, di sini semalam.

Turut hadir ialah Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, Menteri Kesihatan, Datuk Lee Kim Sai dan Presiden Hicom Holdings Berhad yang juga Presiden kelab berkenaan, Tan

Sri Jamil Mohd Jan.

Dalam kenyataan yang dilaporkan Reuter kelmarin, Bilney berkata pembangunan Malaysia yang pesat menyebabkan Australia berasa bantuan biasiswa kepada pelajar Malaysia wajar dihentikan mulai tahun ini.

Kira-kira 10,000 pelajar Malaysia menuntut di sekolah dan universiti di Australia.

Sementara itu, dalam ucapannya Jamil berkata, pembukaan kelab golf itu membantu membangunkan industri golf yang turut menyumbang ke arah perkembangan industri pelancongan negara.